

**AMALAN PENGURUSAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID DI MALAYSIA:  
 SATU TINJAUAN AWAL DI NEGERI SELANGOR**

*Zakat Management Practices of Mosque Institutions in Malaysia: A Preliminary  
 Survey in The State of Selangor*

Azman Ab Rahman<sup>i</sup> Mursyid Junaidi Bin Mohd Faisal Yeap<sup>ii</sup> & Muhammad Najib Abd  
 Wakil<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains  
 Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. azman@usim.edu.com

<sup>ii</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan. mursyidjunaidi@yahoo.com

<sup>iii</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan. ajob.111@gmail.com

Article Progress

Received: 25 September 2018

Revised: 2 November 2018

Accepted: 18 December 2019

Abstrak	Abstract
<p>Institusi masjid merupakan pusat Islam yang amat penting dalam konteks pembangunan dan pengurusan hal ehwal agama Islam sejak zaman kedatangan Islam sehingga ke hari ini. Sejarah Islam membuktikan bahawa masjid bukan sahaja khusus sebagai tempat ibadah malah menjadi pusat operasi hal ehwal berkaitan baitulmal khususnya yang melibatkan pengurusan zakat. Di Malaysia, bidang kuasa hal ehwal Islam termasuk zakat adalah terletak di bawah kuasa dan pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri. Transformasi penswastaaan dan pemusatan institusi zakat dilihat sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peranan institusi masjid dalam pengurusan zakat. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti amalan pengurusan zakat di institusi masjid di Selangor. Kajian juga akan menilai amalan pengurusan zakat di masjid yang berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat di Selangor. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif</p>	<p>Mosque institution is an important Islamic center in the context of development and management of Islamic affairs since the advent of Islam to this day. Islamic history proves that the mosque is not just a special place for worship as it is also an operational center for baitulmal related affairs especially which are involving the zakat management. In Malaysia, the jurisdiction of Islamic affairs including zakat is under the power and administration of the State Islamic Religious Council. The privatization transformation and centralization of zakat institutions is seen to have some impact on the role of mosque institutions in zakat management. Therefore, this study will identify zakat management practices of mosque institutions in Selangor. This study will also evaluate zakat management practices in mosques related to the collection and distribution of zakat in Selangor. This study uses a qualitative approach that includes documentation method</p>

<p>yang meliputi kaedah dokumentasi dalam proses pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa amalan pengurusan zakat di institusi masjid di negeri Selangor lebih menumpukan kepada usaha pembukaan Kaunter Mini Zakat LZS sebagai inisiatif dan langkah progresif dalam pelaksanaan dan pengurusan zakat. Kajian lanjutan berkenaan model tadbir urus zakat di institusi masjid perlu dijalankan bagi menyediakan satu model yang boleh diimplementasikan demi memperkasakan sistem pengurusan zakat di Malaysia.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Pengurusan zakat, institusi masjid, Selangor.</p>	<p>in the data collection process. The findings show that zakat management practices of mosque institutions in the state of Selangor are more focused on the opening of LZS Mini Zakat Counter as an initiative and progressive step in the implementation and management of zakat. Further study on zakat governance models in mosque institutions need to be carried out to provide a model that can be implemented to enhance the zakat management system in Malaysia.</p> <p><b>Keyword(s):</b> Zakat management, mosque institution, Selangor.</p>
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan. Negeri-negeri tersebut adalah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka, Johor, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Kerajaan Persekutuan pula terdiri daripada 3 buah Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Terdapat institusi formal di Malaysia yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal-ehwal yang berkaitan dengan zakat. Institusi ini diletakkan di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kepelbagaian dari sudut pengurusan dan pentadbiran menyebabkan wujudnya perbezaan dalam aktiviti kutipan dan agihan zakat bagi negeri-negeri di Malaysia.

Kajian ini akan memfokuskan kepada amalan semasa pengurusan zakat di institusi masjid negeri Selangor seperti pembukaan beberapa kaunter mini zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) secara berjadual atau berkala di masjid-masjid sekitar Selangor dan lain-lain amalan yang signifikan dalam pemerkasaan sistem pengurusan zakat di negeri tersebut.

## KAJIAN LEPAS

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Syarak. Pengurusan zakat yang baik mampu untuk mengimbangi jurang pendapatan golongan kaya dan miskin sekaligus menjamin kelestarian sosio-ekonomi yang sejahtera. Sejarah membuktikan bahawa pengurusan zakat di zaman Khalifah Umar al-Khattab dan Umar Ab Aziz mampu melahirkan sebuah masyarakat yang tidak lagi mahu bergantung kepada pemberian zakat ini waima kerana tiada lagi orang miskin pada zaman tersebut ataupun sifat qana'ah iaitu perasaan cukup yang ada pada

umat Islam ketika itu menghindari mereka daripada sifat meminta-minta (Kahf, 1999).

Sejarah zakat telah bermula sejak zaman permulaan Islam di Makkah, namun perintah diwajibkan zakat pada masa tersebut adalah secara umum. Zakat pada ketika itu ditunaikan sekadar mengikut timbang rasa orang-orang Islam dan kemurahan hati mereka. Pensyariatan zakat hanyalah diwajibkan secara khusus terhadap umat Islam pada tahun kedua hijrah dan ditetapkan jenis dan kadarnya.

Pengurusan zakat di Malaysia pula telah bermula sejak awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Pada ketika itu pengurusan zakat belum ditadbir secara formal dan golongan pembayar zakat akan membayar zakat kepada ustaz atau guru agama (bertindak sebagai amil) dan mereka akan mengagihkannya kepada asnaf yang layak. Selepas kemerdekaan, pengurusan zakat di letakkan di bawah bidangkuasa setiap negeri dan di bawah ketua agama Islam negeri masing-masing.

Walaupun sistem pengurusan kutipan dan agihan zakat sentiasa mengalami penambahbaikan dan pelbagai kajian telah dijalankan, namun penambahbaikan berterusan dalam menangani kemiskinan sentiasa perlu diberi perhatian oleh institusi zakat. Pelbagai cadangan penambahbaikan daripada kajian yang telah dilakukan bagi memastikan kutipan dan agihan zakat dapat dilaksanakan secara menyeluruh tanpa sebarang keciciran asnaf. Begitu juga kajian yang menumpukan kepada usaha-usaha dan strategi-strategi untuk meningkatkan kadar kutipan zakat serta menangani isu, cabaran, dan permasalahan yang timbul dalam aspek pengurusan zakat. Berdasarkan pemerhatian, pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia menunjukkan potensi yang positif saban tahun dengan adanya penambahbaikan terhadap institusi-institusi zakat, skim-skim agihan zakat, staf-staf, kaedah kutipan dan agihan zakat serta pelbagai kemudahan lain bagi kemudahan masyarakat di Malaysia.

Namun begitu, tambahan kepada usaha-usaha yang giat diimplementasikan pengkaji merasakan kaedah melokalisasikan pengurusan zakat di institusi masjid perlu diamalkan secara meluas kerana ia bukan sahaja dapat mengecilkkan keluasan kawasan dan pemusatan kuasa malah dapat menggalakkan masyarakat Islam untuk hadir dengan lebih kerap sekaligus menepis persepsi bahawa masjid hanya sebagai tempat menunaikan ibadah solat.

Pelaksanaan konsep lokalisasi pengurusan zakat di masjid dilihat sebagai satu usaha yang efektif dan sesuai untuk diperkasakan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia pada masa kini. Cadangan ini dilihat munasabah kerana kedudukan masjid yang hampir dengan masyarakat dan diharapkan dapat diuruskan oleh amil yang profesional di lokaliti tersebut. Konsekuensinya, zakat dapat diuruskan dengan cekap terutamanya dalam aspek pengagihan zakat.

Walaupun harapan ini kelihatan sukar untuk dicapai, namun pengkaji melihat cadangan penetapan masjid sebagai ejen kutipan dan agihan zakat adalah cadangan yang praktikal dan berkesan untuk dikuatkuasakan. Cadangan ini

secara tidak langsung akan menggalakkan masyarakat untuk datang ke masjid bukan sahaja sebagai pemohon zakat malah memudahkan proses agihan zakat kepada asnaf yang layak menerima zakat. Institusi masjid perlu dijadikan salah satu cabang institusi zakat agar keberkatannya serta kesan eksternaliti positif dapat melimpahi sistem pengurusan zakat sekali gus dapat memantapkan sistem pengurusan zakat di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi penyelidikan merupakan kaedah yang sistematik untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Ianya boleh difahami sebagai ilmu untuk mengkaji bagaimana kajian itu dijalankan secara ilmiah (Kothari, C.R. 2004). Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi dalam proses pengumpulan maklumat. Data-data terkumpul daripada dokumentasi yang dijalankan akan dianalisis menggunakan kaedah induktif, deskriptif, dan komparatif bagi mendapatkan penyelesaian kepada permasalahan kajian.

Kaedah dokumentasi digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul maklumat-maklumat dan data berbentuk kualitatif yang berkaitan dengan topik perbincangan. Ia merangkumi data sekunder dari sumber-sumber dalam bentuk kitab-kitab turath, buku-buku akademik, jurnal, prosiding seminar, laporan dan laman web. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengenalpasti sejarah perkembangan pengurusan zakat dalam Islam. Di samping mendapat maklumat berkaitan amalan pengurusan zakat di institusi masjid di Malaysia terutamanya di negeri Selangor.

Data-data kualitatif yang diperolehi daripada kaedah dokumentasi dianalisis secara induktif, deskriptif, dan komparatif. Pendapat-pendapat ulama tentang zakat dan masjid serta kaedah pengurusan zakat di institusi masjid dikumpul dan dianalisis untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih khusus dan mudah untuk difahami. Analisis yang diperolehi akan digunakan untuk membina dan memperkasa sistem pengurusan zakat di institusi masjid menjadi lebih efisien dan efektif.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Pengurusan zakat melalui institusi masjid dilihat sebagai perkara yang masih belum dipraktikkan secara meluas di Malaysia. Peranan masjid sebagai tempat perkumpulan dan perjumpaan masyarakat dilihat mampu menjadi pusat kutipan dan agihan zakat yang efektif bagi komuniti setempat. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan amalan dan pentadbiran kutipan dan agihan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang telah menubuhkan kaunter mini zakat di institusi masjid sekitar negeri Selangor.

## **AMALAN PENGURUSAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID DI SELANGOR**

Negeri Selangor merupakan negeri yang terawal memperkenalkan urus tadbir institusi zakat secara korporat dengan kaedah menubuhkan organisasi yang

berasingan daripada pihak kerajaan negeri dan MAIN. Pelbagai perkembangan telah dilaksanakan oleh institusi-institusi ini sejak ditubuhkan. Pengurusan dana zakat sama ada kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor telah dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Zakat Selangor, di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pada peringkat awal penubuhan, LZS hanya diberikan hak untuk menguruskan kutipan zakat harta sahaja di Selangor. Namun begitu, pada tahun 1998, peranan LZS telah dikembangkan dengan diberi mandat untuk menguruskan kutipan zakat padi dan fitrah di Selangor (Azman et al. 2017).

LZS berperanan penting dalam mendidik masyarakat ke arah kesedaran berzakat dengan, menyediakan perkhidmatan kutipan zakat serta menguruskan agihan zakat kepada golongan yang layak dan memerlukan. LZS juga telah mengambil inisiatif dan langkah yang lebih progresif demi membantu ummah dalam melaksanakan urusan zakat dengan membuka kaunter perkhidmatan pembayaran zakat di beberapa tempat di negeri Selangor yang dikenali sebagai Kaunter Mini LZS.

### **Lokasi Kaunter Mini LZS di masjid**

Kaunter Mini LZS pada awal penubuhannya ditempatkan di lokasi-lokasi terpilih yang menjadi tumpuan masyarakat seperti masjid dan balai penghulu. Pemilihan lokasi-lokasi ini bertujuan agar mudah untuk dikunjungi oleh para asnaf dan tidak menyusahkan mereka untuk datang ke kaunter mini zakat.

Kaunter mini zakat di daerah Sabak Bernam dibuka pada setiap minggu iaitu dari minggu pertama hingga keempat pada setiap hari kecuali pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Terdapat empat masjid tetap yang membuka kaunter mini zakat iaitu Masjid As-Saidiah Pasir Panjang di Sekinchan, Masjid Al-Mujahideen di Bagan Terap, Masjid Jamek Sultan Hishamuddin dan Masjid Ubudiah di Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar. Masjid As-Saidiah Pasir Panjang di Sekinchan dibuka pada hari Isnin setiap minggu manakala Masjid Al-Mujahideen di Bagan Terap dibuka pada hari Selasa setiap minggu. Masjid Jamek Sultan Hishamuddin pula dibuka pada hari Rabu setiap minggu dan Masjid Ubudiah di Simpang 4 Bagan Nakhoda Omar beroperasi pada hari Khamis setiap minggu. Masjid-masjid di daerah Sabak Bernam ini telah ditetapkan untuk dibuka pada setiap minggu tetapi dibuka pada hari yang berlainan bergantung kepada lokasi masjid tersebut.

Di daerah Gombak pula, kaunter mini LZS hanya dibuka pada setiap hari Selasa minggu pertama iaitu di Masjid Bukit Indah, Ampang dan juga di Masjid Zakaria, Gombak pada hari Selasa minggu yang keempat. Lokasi kaunter mini zakat di daerah Sepang pula adalah di Masjid Putra Perdana pada setiap hari Rabu minggu yang kedua dan di Masjid Sg. Pelek pada hari Rabu minggu yang keempat.

Masjid di daerah Klang yang membuka kaunter mini zakat adalah Masjid Al-Islah di Kg Telok Gong, Masjid Jamiul Redzuan di Kg. Sg. Serdang, Kapar, Masjid Ar-Rahman di Pandamaran Jaya dan Masjid Nurul Amin di Kg. Delek.

Kaunter mini zakat di daerah Klang ini tidak menetapkan keempat-empat masjid ini sebagai masjid yang sama pada setiap hari rabu tetapi mengikut kepada giliran yang ditetapkan pada setiap minggu dalam sebulan. Kaunter mini zakat di daerah Klang ini beroperasi pada setiap hari Rabu sahaja.

Manakala di daerah Petaling, kaunter mini zakat dibuka di sebuah masjid yang sama pada setiap minggu iaitu masjid As-Salam di Puchong Perdana. Masjid ini hanya membuka kaunter mini zakat pada hari rabu pada setiap minggu. Kaedah yang sama turut diaplikasikan di daerah Hulu Langat iaitu di masjid Bandar Tun Hussien Onn di Cheras. Kaunter mini zakat yang dibuka di daerah ini hanya tertumpu kepada sebuah masjid yang sama pada setiap hari rabu dan pada setiap minggu iaitu dari minggu pertama hingga minggu keempat.

### **Fungsi Kaunter Mini LZS**

Tujuan utama pembukaan kaunter mini zakat terutamanya di daerah Klang, Kuala Langat dan Kuala Selangor adalah untuk memudahkan urusan agihan zakat bagi para asnaf yang tinggal jauh dari cawangan LZS di daerah berkenaan.

Pelbagai perkhidmatan disediakan di kaunter mini zakat dan ia meliputi pertanyaan, pengambilan, penghantaran borang bantuan zakat dan semakan status bantuan zakat. Pada peringkat permulaan pembukaan kaunter mini zakat, ia hanya menawarkan perkhidmatan berkaitan agihan zakat sahaja, manakala perkhidmatan kutipan zakat masih melalui cawangan zakat di daerah. Perkhidmatan kaunter mini zakat yang telah beroperasi sepenuhnya di negeri Selangor adalah di daerah Sabak Bernam, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak, Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Walau bagaimanapun, LZS turut merancang untuk memperluaskan kemudahan kaunter mini zakat yang telah sedia ada ke semua daerah di negeri Selangor bagi kemudahan penduduk terutama yang beragama Islam dalam melaksanakan tuntutan zakat.

### **PENGHARGAAN**

Pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia (KPT) kerana membiayai sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kod Penyelidikan JPT: FRGS/1/2017/SSI03/USIM/02/10 dan Kod Penyelidikan USIM: USIM/FRGS/INFAD/FSU/055002/51117. Pengkaji juga merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

### **PENUTUP**

Masjid berperanan penting dalam menyatupadukan seluruh umat Islam khususnya bagi memudahkan masyarakat Islam melaksanakan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat, di samping menyuntik kesedaran untuk menunaikan zakat serta menjadi tempat agihan dana-dana tersebut kepada pihak yang memerlukan.

Justeru, amalan pengurusan zakat di institusi masjid negeri Selangor melalui penubuhan kaunter khusus mini zakat sangat membantu dan diyakini mampu memberi satu anjakan baru kepada pengurusan zakat di Malaysia dalam meningkatkan hasil kutipan zakat serta menjamin keberkesanan sistem agihan zakat. Selain memudahkan orang ramai yang tinggal jauh dari cawangan zakat untuk menunaikan zakat, kaunter tersebut juga memudahkan pengagihan kepada asnaf yang tinggal di pedalaman. Satu model pengurusan zakat di institusi masjid boleh dibangunkan bagi memperkasakan kutipan dan agihan zakat di Selangor khususnya dan di Malaysia amnya. Model ini diyakini dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pihak berautoriti dalam pengurusan zakat di Malaysia.

## RUJUKAN

### Buku

- Abdul Wahab, Mohamed, et al. 1995. "Malaysia" (A Case study of Zakāt Management), in: el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakāt: Dimensions and Implications*, Jeddah, IRTI/ IDB.
- Azman Ab Rahman, et al. 2017. *Ensiklopediai Zakat di Malaysia* (Siri 1). Penerbit USIM.
- Sidi Gazalba. 1976. *Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Sidi Gazalba. 1975. *Masjid Pusat Pembinaan Ummat*. Jakarta: Pustaka Antara.

### Jurnal

- Ahmad Shahir Makhtar & Adibah Abdul Wahab. 2010. *Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam.
- Ahmad Shahir Makhtar & Shofian Ahmad. 2010. *Transformasi Pengurusan Zakat di Malaysia*. The 4<sup>th</sup> Isdev International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010). Universiti Sains Malaysia, Penang. December 21<sup>st</sup>-22<sup>nd</sup> 2010.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2012. *Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid di Malaysia*. Asian Journal of Accounting and Governance. Vol. 3. m/s: 71-83.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kade. 2009. *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati?* Jurnal Syariah. 17 (1) 2009: 89-112.
- Khaf & Monzer. 1999. *The Performance of The Institution of Zakat in Theory and Practice*. International Conference on Islamic Economics Towards the 21<sup>st</sup> Century, Kuala Lumpur. April 26<sup>th</sup>-30<sup>th</sup>, 1999.
- Marlina Ekawaty. 2010. *Memperkasakan Pengurusan Zakat di Institusi: Isu dan Cabaran*. The 4<sup>th</sup> Isdev International Islamic Development Management Conference (IDMAC2010). Universiti Sains Malaysia, Penang. December 21<sup>st</sup>-22<sup>nd</sup>, 2010.

- Mohamed Izam B. Mohamed Yusof. 2010. *Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan*. The 4<sup>th</sup> Isdev International Islamic Development Management Conference (IDMAC2010). Universiti Sains Malaysia, Penang. December 21<sup>st</sup>-22<sup>nd</sup>, 2010.
- Mutiara Dwi Sari & Muchtar Ahmad. 2010. *Memperkasakan Zakat: Dari Pengumpulan Terus ke Pengagihan*. The 4<sup>th</sup> Isdev International Islamic Development Management Conference (IDMAC2010). Universiti Sains Malaysia, Penang. December 21<sup>st</sup>-22<sup>nd</sup>, 2010.
- Raudha Md Ramli, Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Farra Muna Harun. 2011. *Understanding asnaf attitude: Malaysia's Experience in Quest for an Effective Zakat Distribution Programme*. International Zakat Conference: Sustainable Zakat Deelopment in the Poverty Alleviation and Improvement of Welfare of the Ummah 2011. Bogor, Indonesia: Anjuran World Zakat Forum.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. 2006. *Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia*. International Journal of Management Studies. 13 (2): 175-196.

#### **Internet**

- Lembaga Zakat Selangor. Sejarah Lembaga Zakat Selangor (MAIS). <http://www.zakatselangor.com.my/info-lzs/sejarah-lzs/> (diakses pada 2 Jun 2018).
- Lembaga Zakat Selangor. Kaunter Mini LZS. <http://www.zakatselangor.com.my/kaunter-mini-lzs/> (diakses pada 9 September 2017).
- Lembaga Zakat Selangor. Kaunter LZS. <http://www.zakatselangor.com.my/kaunter-mini-lzs/> (diakses pada 9 September 2017).
- Lembaga Zakat Selangor. Kaunter Zakat Dibuka Tujuh Hari Seminggu. <http://www.zakatselangor.com.my/terkini/kaunter-zakat-dibuka-tujuh-hari-seminggu/> (diakses pada 9 September 2017).

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan pengkaji. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*